

PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PE IN
PAN 946/1 IN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PE. PERCUBAAN 1N
PAN 946/1 IN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PE. STPM 2008 1N
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PER PENGAJIAN PERNIAGAAN TIAPENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PER KERTAS 1 TIAPENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PER (Tiga Jam) TIAPENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PER TIAPENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN

PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN
DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
TAHUN 2008

Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja: semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

PANITIA PENGAJIAN PERNIAGAAN DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR

STPM 946/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah
SULIT*

Bahagian A

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Terangkan hubungan antara politik dan perundangan dengan perniagaan [2]
 (b) Jelaskan tiga faktor yang mendorong sesebuah organisasi perniagaan beroperasi ke peringkat antarabangsa. [3]
 (c) Huraikan tiga ciri pengurusan birokrasi berdasarkan pandangan Max Weber [3]
 (d) Terangkan tiga ciri objektif yang baik [3]
 (e) Jelaskan dua kegunaan Analisis Teknik Menilai dan Menyemak Program/PERT [2]
 (f) Huraikan dua prinsip insurans. [3]
 (g) Jelaskan maksud *penghuraian kerja* dan *spesifikasi kerja* [2]
 (h) Sebuah syarikat membuat baju menjangkakan jumlah jualan sebanyak RM4,000 dengan kos tetap adalah RM2,000 manakala kos berubah adalah RM20.00. Kirakan harga jualan sehelai baju jika usahawan ingin mendapat 20% keuntungan. [2]
 (i) Terangkan maksud kreativiti serta proses kreativiti [2]
 (j) Huraikan **tiga** keperluan kemahiran manusia kepada seorang pengurus. [3]
- 2 (a) Jelaskan tiga kepentingan program latihan kepada setiap pihak yang berikut:
 i. Pekerja.
 ii. Organisasi [9]
- (b) Syarikat Ceria Comel Berhad mempunyai 500 orang pekerja di bahagian pengeluaran produk permainan kanak-kanak. 40% daripada pekerja tersebut telah bekerja melebihi tiga tahun dan yang lain kurang daripada setahun. Kerap kali pekerja meninggalkan pekerjaan mereka di kilang ini disebabkan mendapat pekerjaan lain selain berasa marah dan bosan kerana seringkali ditegur oleh Penyelia Pengeluaran kerana kesilapan memasang produk. Para pekerja juga sukar untuk memberikan kerjasama dalam melakukan kerja secara berpasukan. Syarikat juga menerima komen daripada pemborong dan peruncit mengenai kelewatan penghantaran stok permainan kanak-kanak kepada mereka.

Jabatan Sumber Manusia bercadang membentuk dan melaksanakan program latihan bagi mengatasi masalah tersebut.

i. Huraikan langkah-langkah dalam membentuk dan melaksanakan program latihan yang akan dijalankan oleh Jabatan Sumber Manusia Syarikat Ceria Comel Berhad. [10]

ii. Jelaskan tiga bentuk latihan yang perlu diberikan kepada pekerja tersebut. [6]

Bahagian B

Jawab dua soalan sahaja

3 (a) Terangkan bagaimana faktor sosiobudaya mempengaruhi perniagaan. [10]

(b) Buruh merupakan salah satu faktor pengeluaran yang memiliki sifat-sifat tersendiri. Jelaskan. [7]

(c) Jelaskan empat kelebihan entiti perniagaan syarikat berbanding perkongsian. [8]

4 Puan Roslinah menjalankan perniagaan labu sayung yang telah beroperasi selama tiga tahun. Beliau menghadapi masalah dengan pekerjaanya yang kurang bermotivasi dan seringkali ponteng dan tidak bertanggungjawab dalam menjalankan tugasnya. Situasi ini menjejaskan pengeluaran produk syarikatnya.

(a) Jelaskan proses pengawalan yang perlu dibuat oleh Puan Roslinah dalam pengeluaran produk labu sayung. [10]

(b) Huraikan gaya kepimpinan yang sesuai untuk Puan Roslinah bagi menangani pekerja-pekerjanya yang bermasalah. [6]

(c) Terangkan enam ciri pemimpin yang perlu ditunjukkan oleh Puan Roslinah kepada pekerjaanya. [9]

- 5 (a) Huraikan tiga tahap perancangan yang dijalankan dalam mengurus organisasi perniagaan. [9]
- (b) En. Shamil menjalankan perniagaan keropok lekor di Kampung Losong Terengganu, beliau bercadang meluaskan pasaran ke luar negara. Jelaskan langkah-langkah perancangan yang perlu dilakukan oleh beliau untuk memasarkan keropoknya. [10]
- (c) Terangkan tiga peranan pengurus. [6]
- 6 (a) Huraikan saluran pengedaran menegak dan saluran pengedaran mendatar [15]
- (b) Jelaskan perkara yang berikut:
- i. konflik saluran agihan
 - ii. pengurusan saluran agihan [10]
- 7 Encik Amir memulakan kerjaya sebagai penyelia stor di sebuah Syarikat Penerbitan Buku Hijau. Selepas lima tahun beliau dinaikkan pangkat kepada pengurus pengeluaran. Sepuluh tahun kemudian beliau telah dilantik menjadi Pengarah Urusan syarikat.
- (a) Huraikan keperluan kemahiran utama pada setiap peringkat kerjaya En. Amir. [9]
- (b) Terangkan empat faktor kejayaan seimbang. [6]
- (c) Jelaskan ciri proaktif dan tajamkan gergaji dalam tabie orang yang sangat efektif [10]
- 8 (a) Pengarah urusan sebuah kilang memproses koko mendapati bahawa hasil kilangnya telah merosot. Dengan menggunakan gambarajah tulang ikan terangkan

SULIT*

5

proses yang dilakukan oleh Pengurus Operasi untuk mengenalpasti masalah tersebut. [12]

(b) Berikut adalah maklumat yang diperolehi dari Syarikat Mutiara Berhad yang ingin membuat keputusan.

Pilihan keputusan	Keadaan pasaran yang baik	Keadaan pasaran yang kurang baik
Melancarkan iklan	RM 80 000	- RM 30 000
Meningkatkan komisen jurujual	RM 90 000	- RM 40 000
Tidak berbuat apa-apa	RM 0	RM 0
Kebarangkalian	0.6	0.4

Kos melaksanakan keputusan untuk melancarkan iklan ialah RM 5 000, manakla kos meningkatkan komisen jurujual ialah RM 12 000.

- Lukis gambarajah pokok keputusan berdasarkan pilihan keputusan Syarikat Mutiara Berhad.
- Hitungkan jangkaan nilai kewangan bagi setiap pilihan keputusan.
- Nyatakan keputusan yang perlu diambil oleh syarikat tersebut.

[13]